

# Daya Saing Tulisan Jawi dan Potensi Kod Jawi Dalam Menghadapi Era Globalisasi

Nurul Syala Abdul Latip<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Maahad Tahfiz Al-Quran lil Muttaqin, Selangor, Malaysia

## Progres Artikel

Diterima: 1 Februari 2017

Disemak: 17 Jun 2017

Diterbit: 1 Jun 2018

\*Corresponding Author:

Nurul Syala Abdul Latip,  
Maahad Tahfiz Al-Quran lil  
Muttaqin, Selangor,  
Malaysia  
Email:  
syala0901@gmail.com

**Abstrak:** Bahasa Melayu dengan tulisan jawi adalah *lingua franca* di kepulauan Melayu sejak abad ke 14. Pada abad ke 16 ia dianggap setanding dengan bahasa Perancis dan Latin di Eropah sebagai bahasa perhubungan antarabangsa. Keampuhan tulisan jawi ini mula digugat dengan kedatangan penjajah yang menggantikan tulisan yang menjadi jati diri bangsa ini kepada tulisan rumi. Tulisan jawi mula dipinggirkan sejak Akta Bahasa 1963 menggantikan skrip rasmi bahasa melayu kepada tulisan rumi. Walaupun demikian sehingga sekarang masih ada sebahagian pihak terus memperjuangkan tulisan jawi. Kajian menggunakan metodologi kualitatif dengan teknik analisis dokumen ini, menganalisa usaha-usaha perjuangan tulisan jawi dan potensi kod jawi. Kajian mendapati bahawa usaha murni untuk memartabat jawi akan menjadi relevan jika ia melibatkan sistem pendidikan itu sendiri. Malah kod jawi mempunyai potensi besar untuk mengembalikan minat, daya saing di dalam perkembangan teknologi dan ilmu malah berpotensi memperkasakan semula tulisan jawi dalam menghadapi cabaran era globalisasi.

**Kata kunci:** *tulisan jawi, kod jawi, daya saing, perkembangan ilmu, era globalisasi*

**Abstract:** Malay language with Jawi script was the lingua franca in the Malay Archipelago since the 14th century. In the 16th century it was on par with French and Latin in Europe as the language of international relations. Efficacy of Jawi writing was first challenged by the arrival of colonists who replaced the text of national identity to Rumi. Jawi started to be sidelined since the Language Act 1963 replaced the official Malay script to Rumi. However, until now there are still a handful of people continue to fight for the Jawi script. Research using qualitative methodologies analysed the efforts and potential of Jawi code. The study found that the noble efforts to uphold Jawi would be relevant if it involves the education system itself. In fact, the Jawi code has great potential to restore enthusiasm, competitiveness in the development of technology and knowledge, but potentially rejuvenating the Jawi script to face the challenges of globalization.

**Keywords:** *Jawi script, Jawi code, competitiveness, development of knowledge, globalization*

## Pengenalan

Bahasa Melayu dengan tulisan jawi adalah *lingua franca* di Kepulauan Melayu sejak abad ke 14. Pada abad ke 16 ia dianggap setanding dengan bahasa Perancis dan Latin di Eropah sebagai bahasa perhubungan antarabangsa di

dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan, pentadbiran dan kebudayaan. Tulisan jawi ini dicipta dari Tulisan Arab, iaitu Bahasa Al-Quran (Hashim, 2009) untuk memudahkan ilmu dan mesej/ pelajaran dari Al-Quran itu sampai kepada orang-orang yang berbahasa Melayu di Kepulauan Melayu atau Kepulauan Jawah.

Asal nama Tulisan ‘jawi’ masih belum jelas tetapi dikatakan mungkin sangat terkait dengan nama al-

Jawah iaitu gelaran nama kepulauan Melayu yang digunakan oleh Ibnu Bathutah dan beberapa penulis Arab yang lain seperti Yaqut di dalam buku Mu'jan al-Buldan dan Abu al-Fida di dalam Tqwint al-Buldan (Hashim, 2006).

Keampuhan tulisan jawi ini mula digugat dengan kedatangan penjajah yang menggantikan tulisan yang menjadi jati diri bangsa ini kepada tulisan rumi. Kesan ini juga adalah satu indikator kejayaan proses kristianisasi dan sekularisasi terhadap Alam Melayu seperti yang juga berlaku di Indonesia (Alwee, 2005). Proses pengambilalihan tulisan rumi daripada tulisan jawi ini berlaku secara beransur-ansur selama lebih 100 tahun yang akhirnya tulisan jawi berjaya dijatuhkan disebabkan kelemahan sistem tulisan jawi itu sendiri (Mahpol 2002). Secara tidak langsung, keadaan ini mengakibatkan masyarakat semakin jauh dari kefahaman ilmu Al-Quran dan agama Islam (Sarin bin Talib, 1995).

Kebanyakan penyelidik bersetuju bahawa tulisan jawi mula dipinggirkan sejak Akta Bahasa 1963 menggantikan skrip rasmi bahasa melayu kepada tulisan rumi. Pada hakikatnya, bahasa dan tulisan tidak dapat dipisahkan. Hilangnya tulisan, hilangnya ‘roh’ kepada bahasa tersebut. Bahasa itulah yang membentuk jiwa sesuatu bangsa dan tulisan jawi itu menjadi jati diri bangsa Melayu. Hilangnya tulisan jawi ini, hilang jiwa dan jatidiri bangsa Melayu (Hashim and Adi Yasran, 2009). Ia telah menjadi satu keperluan yang kritikal untuk kita memartabatkan tulisan jawi semula kerana ia akan mampu menjelaskan tentang kebitaraan dan keperkasaan Bahasa Melayu dan Bangsa Melayu itu semula.

Pada 2012, Dewan Bahasa mengakui bahawa sehingga kini Bahasa Melayu seolah-olah hilang upaya untuk bersaing dengan bahasa terkemuka dunia sehinggakan kita banyak membuat penyerapan bahasa asing ke dalam bahasa kita. Apabila hilangnya tulisan atau jiwa kepada bahasa tersebut, secara langsung bahasa itu juga sudah hilang kekuatan dan daya saingnya. Ini secara langsung memberi impak kepada daya saing bangsa itu sendiri.

Ito (2009) menegaskan bahawa apabila daya saing sesuatu bahasa itu luntur, ia seolah-olah dalam proses dilucutkan dari bahasa sendiri. Apabila ini berlaku, akan ada keseragaman dalam pemikiran kerana orang yang terpaksa menggunakan bahasa yang sama. Jika itu berlaku, evolusi tamadun kita akan terhenti kerana tamadun hanya boleh maju di mana terdapat kewujudan bersama kepelbagaian budaya yang berbeza sebagai asas bagi pemikiran manusia yang inovatif. Pendapat ini selari dengan Firman Allah di dalam Surah 49:13, yang menekankan tentang tujuan besar Allah jadikan berlainan bangsa adalah untuk kita saling kenal-mengenal supaya dapat belajar dari satu-sama lain dan maju dalam penghidupan.

Di peringkat global, daya empar ekonomi

pasaran global menarik ke arah pembelajaran Bahasa Inggeris dan tulisan rumi. Di peringkat serantau, tahun 2015 menandakan pelaksanaan Persatuan Negara-negara Asia Selatan Komuniti Ekonomi (ASEAN), pasaran terbuka memudahkan aliran bebas barang dan perkhidmatan, pelaburan, modal dan tenaga kerja mahir di kalangan sepuluh negara anggota ASEAN. Ini, seterusnya, telah mempercepatkan pengajaran dan daya saing Bahasa Inggeris yang menggunakan tulisan rumi (Huebner, 2014).

Manakala, teknologi maklumat yang semakin canggih telah mempercepatkan globalisasi. Namun, globalisasi juga menimbulkan ancaman kepada pelbagai bahasa dunia. Oleh kerana lebih ramai orang bergantung kepada bahasa utama yang digunakan di internet hari ini yang menggunakan tulisan rumi, bahasa minoriti menghadapi ambang kepupusan. Lebih-lebih lagi tulisan jawi yang sudah amat dipinggirkan. Malah, terdapat satu kajian yang memberi amaran bahawa lebih daripada 50% daripada 7,000 bahasa percakapan di dunia akan lenyap dalam masa beberapa dekad (Ito, 2009).

Justeru itu, tidak mencukupi untuk memelihara bahasa di muzium seolah-olah ianya karya seni sejarah, tetapi sebaliknya, kita mesti menggunakan sebagai alat aktif dalam penghidupan sehari-hari (Ito, 2009). Ini satu kriteria penting yang perlu diambil berat kerana tulisan jawi tidak lagi aktif digunakan. Ini adalah kerana masyarakat sudah tidak melihat status dan fungsi jawi dapat membawa sebarang makna kepada perkembangan ilmu atau jika menguasainya tidak dapat memberi sebarang nilai tambah (Hashim dan Adi Yasran, 2009). Tulisan jawi hanya tinggal tulisan warisan yang punyai aestetik seni dalam masyarakat sekarang dan tidak lagi punyai roh berserta dengan kemahiran dan kepakaran dalam tulisan.

Bermula dari tahun 1981, apabila banyak pihak mula sedar kepentingan untuk menyelamatkan tulisan jawi, pelbagai usaha telah dibuat untuk mengembalikan relevan tulisan jawi di dalam pelbagai golongan masyarakat kita sekarang. Walaupun dengan usaha yang berjuta-juta ringgit tersebut, masyarakat kini masih terus mempunyai persepsi yang jawi hanya relevan dengan warisan budaya dan wacana yang berbentuk keislaman sahaja, ini menyebabkan usaha-usaha besar itu jadi sia-sia dan tulisan jawi masih terus dipinggirkan (Khazriyati, 2012).

## **Usaha-usaha pemerkasaan jawi dalam masyarakat**

Kesan kemerosotan penggunaan tulisan jawi sangat dirasai selepas 20 tahun perlaksanaan Akta Bahasa Kebangsaan 1963 yang menggantikan tulisan jawi dengan tulisan rumi sebagai tulisan rasmi Bahasa Melayu. Pihak yang risaukan keadaan ini semakin meruncing telah

menghasilkan pelbagai program termasuk di bidang pendidikan seperti perlaksanaan JQAF di sekolah rendah. Tetapi program ini tiada kesinambungan ke peringkat sekolah menengah menyebabkan minat itu terhenti. Khazriyati, (2012) menyatakan salah satu faktor besar kemerosotan jawi adalah kerana kerumitan kognitif dalam proses membaca jawi. Kajian ini boleh diamati semula adakah benar kerumitan kognitif menjadi punca kemerosotan atau ada sebab lain yang lebih utama? Ini adalah kerana terdapat banyak tulisan bahasa dunia seperti tulisan Jepun dan Cina yang juga mempunyai kerumitan kognitif berbeza dengan tulisan rumi tetapi masih relevan kepada masyarakatnya malah minat untuk dipelajari oleh orang yang diluar masyarakatnya sendiri kerana ia dapat membuka kepada perkembangan ilmu dan dimensi teknologi baru.

Bagi memperkuuhkan dan memperkemaskan tulisan jawi, terdapat juga usaha individu, badan-badan/ organisasi tertentu termasuklah sistem ejaan jawi Pakatan, Zaa'ba, ejaan Dian dan pedoman ejaan jawi yang disempurnakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)(Faisal, 2014).

Berdasarkan kajian Professor Kang Kyoung Seok perkembangan tulisan jawi boleh dibahagi kepada empat fasa evolusi (Faisal, 2014) iaitu:

- i) Menggunakan ejaan arab dengan tanda baris sepenuhnya
- ii) Tanda-tanda baris dihapuskan dan sebut sebagai tulisan arab gundu
- iii) Penambahan huruf saksi alif, wau, ya pada suku kata pertama
- iv) Menggunakan huruf saksi pada suku kata kedua dan sistem tulisan jawi ini disempurnakan dengan enam huruf tambahan va, cha, ghin, gha, pa dan nya.

Jadinya proses evolusi sistem jawi itu adalah suatu perkara yang lazim dalam usaha menyempurnakan sistem ejaaannya. Sehingga sekarang masih ada pihak yang terus memperjuangkan tulisan jawi dan salah satu lagi usaha untuk melengkapkan sistem tulisan jawi yang perlu diberi perhatian adalah penemuan kod jawi, hasil kajian oleh Maahad Tahfiz Al-Quran lil Muttaqin sejak tahun 2006 (RTM, 2013). Objektif utama kajian ini dibuat adalah untuk mengkaji secara kualitatif usaha-usaha ini dalam menghadapi cabaran globalisasi.

## Metodologi

Kajian menggunakan metodologi qualitatif dengan teknik analisis dokumen ini, menganalisa usaha-usaha perjuangan tulisan jawi dan potensi kod jawi dalam menghadapi cabaran globalisasi. Dokumen kajian melibatkan kajian Al-Quran dan Sunnah, akta, arkib, perpustakaan, journal dan manuskrip lama.

## Keputusan dan perbincangan

Kewujudan asal tulisan jawi ini sangat terkait dengan ilmu Al-Quran yang tidak dapat dipisahkan (seperti figura 01). Sehingga orang yang menguasai jawi akan lebih mudah mempelajari Bahasa Arab dan memudahkan belajar Al-Quran (Alwee, 2005). Tetapi, kemahiran ini semakin berkurang apabila tulisan jawi sudah tidak dilihat sebagai tulisan yang relevan kini.




Figura 1: Kaitan tulisan jawi dengan Al-Quran

Penemuan sistem kod jawi oleh Maahad Tahfiz Al-Quran lil Muttaqin di dapati berpotensi memberi nafas baru kepada tulisan jawi yang semakin terpinggir. Dari kajian, didapati susunan huruf jawi ini ada kaitan langsung dengan susunan surah di dalam Al-Quran. Setiap huruf jawi ada maksud piawai yang terkait dengan maksud surah di dalam Al-Quran dan apabila digabung menjadi perkataan mampu menjelaskan maksud sesuatu perkataan dengan lebih mendalam (Noor Azam, 2016).

Dengan kod jawi ini akan lebih menjelaskan kenapa Nabi Adam diajarkan NAMA dalam surah Al-Baqarah 2:31

*'Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya...'*

Kenapa diajarkan ‘nama’? Apa ada pada ‘nama’? Setiap perkataan itu adalah nama yang terbentuk dari susunan huruf. Apabila ‘kunci’ maksud setiap huruf dapat diperolehi, ia akan mampu menjelaskan segala ‘nama’ yang dihasilkan. Maksud piawai pada setiap huruf jawi inilah yang dinamakan KOD JAWI.

Apa sebenarnya yang ada pada perkataan ‘NAMA’, kenapa perlu bagi ‘nama’ kepada semua benda/ semua orang? Dari kamus dewan bahasa, ‘nama’ membawa maksud ‘panggilan’ atau ‘sebutan bagi orang’, ‘gelaran’. Tetapi dengan kod jawi ia akan mampu menjelaskan maksud perkataan ‘nama’ dengan lebih

terperinci (Jadual 1.0). Contoh Kod Jawi untuk perkataan ‘Nama’:

Jadual 1

Huruf Jawi: مَنْ	Kod Jawi
Nun (ن)	Pembeza
Alif (ا)	Aturan
Mim (م)	Pedoman

Jadinya, pada ‘nama’ ada ciri-ciri ‘pembeza’, ‘aturan’ dan ‘pedoman’. Jika diperhatikan, ‘nama’ diberi untuk ‘membezakan’ satu barang/orang dengan barang/orang yang lain. Tanpa ‘nama’ kita tidak dapat membezakan si ‘A’ dan si ‘B’. Pada ‘nama’ juga ada ciri-ciri ‘aturan’. ‘Nama’ diberi supaya senang untuk mengatur sesuatu. Contoh, dengan adanya nama, akan memudahkan aturan susunan meja dibuat untuk pelajar yang akan menduduki peperiksaan. Jika tiada nama bayangkan susahnya untuk diatur. Pada ‘nama’ juga ada ‘pedoman’. Hanya orang yang punya pedoman akan boleh menggunakan nama sebagai pembeza antara yang betul dengan yang salah dan alat untuk mengatur. Kini dengan kod jawi, kita boleh lebih jelas kenapa Nabi Adam diajarkan ‘nama’. Sebagai khalifah, untuk Baginda boleh mentadbir/ mengatur, dia harus tahu bagaimana hendak ‘membezakan’ berdasarkan ‘aturan’ dan ‘pedoman’ dari Allah.

## Kelebihan Kod Jawi

Kod jawi didapati mempunyai 6 kelebihan utama iaitu:

- boleh mewujudkan satu kaedah piawai membentuk kata dan istilah
- Kod jawi dalam mengenalpasti ketepatan ejaan dan ciri-ciri
- Kod Jawi mengenalpasti kesesuaian bahasa
- Kod jawi dapat menjelaskan fungsi perkataan
- Kod jawi membuka dimensi baru dalam bidang teknologi
- Kod jawi sebagai medium pengembangan ilmu

Potensi kod jawi ini sangat luas dan setiap satu kelebihan ini akan diperhalusi.

## Satu kaedah piawai membentuk kata dan istilah

DBP telah menyatakan bahasa Melayu sudah tiada daya saing. Malah, banyak sekali penyerapan bahasa asing di dalam bahasa Melayu kerana tidak ada kaedah piawai untuk membentuk istilah baru. Dengan menggunakan kod jawi dilema ini dapat diselesaikan dengan / menggunakan satu kaedah piawai di dalam membentuk kata dan istilah yang baru.

Sebagai contoh:

Kalau ditanya kepada orang ramai yang tidak menggunakan kod jawi, apa definisi ‘matang’? Pelbagai jawapan akan di terima seperti matang maksudnya dewasa! Ada pula akan menjawab orang yang matang itu adalah orang yang boleh membezakan antara yang baik dengan yang buruk! Orang yang berpengalaman! dan sebagainya.

Tetapi dengan piawai teknologi kod jawi, semua orang akan boleh memberi maksud yang sama. Maksud piawai ‘Matang’ berdasarkan kod jawi adalah seperti berikut (Jadual 2):

Jadual 2

Huruf Jawi: مَاتُوْغْ	Kod jawi
mim (م)	pedoman
alif (ا)	aturan
ta (ت)	sistem rangkaian
nga (ڠ)	teknologi pengurusan

Dari kod jawi, kita dapat cerakinkan ciri-ciri yang ada pada seorang yang ‘matang’. Contohnya seorang petani yang ‘matang’ memberi maksud petani itu adalah petani yang mempunyai ‘pedoman’ untuk ‘mengatur’ dan dia tidak membuat keputusan tentang aturan di ladang ikut suka hatinya sendiri, ada pedoman yang memimpinnya dalam membuat keputusan. Malah petani itu akan membuat keputusan berlandaskan satu ‘sistem rangkaian’. Contohnya untuk petani itu membuat keputusan dia perlu memahami ‘sistem rangkaian’ yang wujud seperti proses penuaian padi kepada penyediaan beras hingga ke pemasarannya. Dia juga perlu ada/mengenali rangkaian pengusaha lain dan tidak buat kerja sendirian. Tanpa memahami sistem rangkaian ini petani itu tidak akan mampu membuat keputusan yang bijak. Bagi menguruskan semua ini petani itu juga perlu mempunyai satu ‘teknologi pengurusan’ yang mantap. Itulah maksud petani yang ‘matang’ berdasarkan kod jawi.

Dapat dilihat, teknologi kod jawi mampu untuk menjelaskan perincian maksud sesuatu perkataan. Malahan perkataan tersebut boleh dikembangkannya kepada istilah lain dengan menggunakan kaedah piawai. Sebagai contoh, jika seseorang petani itu lebih ‘jelas’ mengatur berbanding dengan petani yang lain, ejaan matang itu boleh dikembangkan istilah kepada ‘matung’ (مَاتُوْغْ). Ini dapat dijelaskan dengan kewujudan ‘wau’ yang membawa maksud ‘jelas’. Perkataan yang mungkin bunyinya janggal sekarang tetapi kaedah ini dapat membentuk istilah baru dengan cara piawai.

Contoh seterusnya, jika seseorang petani mempunyai ‘tanda-tanda kejayaan’ yang lebih

berbanding dengan petani yang lain, ejaan matang itu boleh dikembangkan

istilah kepada ‘mating’ (ماتڠ). Ini dapat dijelaskan dengan kewujudan ‘ya’ yang membawa maksud ‘tanda-tanda kejayaan’.

Malah sebagai contoh, jika seseorang petani lebih pandai untuk mengatur berbanding dengan petani yang lain, ejaan matang itu boleh diubah kepada matang (ماتڠ). Ini dapat dijelaskan dengan kewujudan dua ‘Alif’ yang menampakkan sifat petani itu ada dua sifat aturan lebih dari yang lain (Jadual 3).

Jadual 3

Huruf ماتڠ	Kod jawi
mim (ڦ)	pedoman
alif (ا)	aturan
ta (ت)	Sistem rangkaian
alif (ا)	aturan
nga (ڱ)	Teknologi pengurusan

Ini sekaligus menjelaskan bagaimana tulisan jawi boleh melebihi tulisan rumi itu sendiri yang hanya terhad dengan ejaan ‘matang’ dan tidak mampu untuk menampakkan kelebihan sifat yang boleh ada pada sesuatu nama. Tulisan rumi juga tidak dapat ditulis dengan tambahan ‘a’ berbanding dengan tulisan jawi yang boleh ada penambahan ‘alif’ yang dapat memberi maksud tambahan berdasarkan teknologi kod jawi.

Penjelasan ini menampakkan bahawa teknologi kod jawi dapat membantu dari segi perkembangan bahasa dan istilah-istilah baru malah ia juga mampu untuk menjelaskan setiap kata dengan sangat terperinci.

### Kod jawi dalam mengenalpasti ketepatan ejaan

Seterusnya, kerana setiap huruf mempunyai maksud yang tersurat dan tersirat, ia boleh juga membantu di dalam menentukan ejaan yang lebih tepat. Sebagai contoh, perkataan ‘pendidikan’ boleh dieja dalam tiga ejaan iaitu samada A, B atau C seperti Jadual 4.0 dibawah. Tetapi yang mana satu yang lebih tepat untuk menjelaskan ‘ciri-ciri’ pendidikan yang terbaik?

Jadual 4					
A		B		C	
قديقون		قدييقون		قدييڪن	
Ja wi	Kod Jawi	Ja wi	Kod Jawi	Ja wi	Kod Jawi
Pa (ڦ)	Kaedah pengurus an mentauhi	pa	Kaedah pengurus an mentauhi	pa	Kaedah pengurus an mentauhi

	dkan dasar		dkan dasar		dkan dasar
Nu n (ڽ)	pembeza	nu n	pembeza	nu n	pembeza
Dal (ڣ)	hasil	dal	hasil	dal	hasil
Ya (ڽ)	Tanda-tanda kejayaan	ya	Tanda-tanda kejayaan	ya	Tanda-tanda kejayaan
Dal (ڣ)	hasil	dal	hasil	dal	hasil
Ya (ڽ)	Tanda-tanda kejayaan	ya	Tanda-tanda kejayaan	ya	Tanda-tanda kejayaan
Kh of (ڣ)	Mentauhi dkan dasar	Kh of (ڣ)	Mentauhi dkan dasar	Ka f (ڣ)	Pengurus an modal insan
Nu n (ڽ)	pembeza	Ka f (ڣ)	Pengurus an modal insan	Ka f (ڣ)	Pengurus an modal insan
		Nu n (ڽ)	pembeza	Nu n (ڽ)	pembeza

Dengan menggunakan teknologi kod jawi, dapat diperincangkan ejaan mana yg lebih tepat. Kesemua ejaan ‘pendidikan’ dalam jadual di atas mempunyai ejaan perkataan yang sama kecuali samada ia mempunyai A - 1 huruf ڦ atau, B- ada huruf ڦ dan ڻ dan C- huruf ڻ dan ڻ.

Berdasarkan kod jawi dapat diperjelaskan bahawa pendidikan itu adalah satu kaedah untuk ‘mentauhidkan/ mensatukan kefahaman dasar’. Dasar-dasar pendidikan negara, dasar-dasar yang terkait dengan ilmu yang diajar untuk ‘membezakan’ yang mana yang betul dan yang mana yang salah. Semua yang terlibat dalam pendidikan perlu mempunyai kefahaman yang sama, yang satu, supaya matlamat yang sama tercapai. Dan kemudian, pendidikan pasti perlu ada ‘hasil’ yang ada ‘tanda-tanda kejayaan’. Malah hasil pendidikan ini, iaitu pelajar, juga perlu mampu pada akhirnya ‘mensatukan dasar’ yang diajarkan serta mampu menjadi pembeza antara yang hak dan yang salah mengenai dasar yg diajarkan kepadanya. Itu definisi A.

Bagi definisi B – ia punya penjelasan yang sama kecuali ia mempunyai hasil yang bukan sahaja ada kefahaman untuk ‘mensatukan dasar’ yang diajar malah perlu ada ‘pengurusan modal insan’ dari segi guru dan pelajar-pelajarnya.

Bagi definisi C- ia punya penjelasan yang sama seperti A dan B kecuali ia ada tambahan dan tumpuan yang banyak kepada ‘pengurusan modal insan’ kerana ‘pengurusan modal insan’ disebutkan dua kali dengan adanya dua ‘kaf’. Walaupun demikian dengan ketiadaan ‘huruf khof’ ia tiada ciri-ciri yang perlu memastikan

terhasilnya pelajar-pelajar yang boleh ‘mentauhidkan dasar’ yang diajar.

Jika kebiasaan perkataan ‘pendidikan’ dieja dengan ejaan di kolumn A, tetapi dengan teknologi kod jawi perkara ini dapat diperincangkan dengan lebih terperinci dengan kefahaman *maksud* sesuatu perkataan itu. Jika dilihat dari perbandingan yang dibuat dapat dirumuskan bahawa definisi B lebih tepat dalam menjelaskan *maksud* sebenar ‘pendidikan’ kerana pendidikan perlu menghasilkan pelajar yang dapat ‘mensatukan kefahaman tentang dasar-dasar’ yang telah diajar dan perlu juga ada ‘pengurusan modal insan’ dalam urusan pendidikan.

Ini adalah sebahagian contoh bagaimana ejaan sesuatu perkataan itu boleh dijelaskan dengan penjelasan yang tepat tentang maksud dan ia dapat diteliti sebelum sesuatu ejaan itu disahkan ejaannya untuk kegunaan masyarakat mengikut kesesuaian maksud. Ini juga membolehkan mereka yang terlibat dalam pendidikan menghayati tugas mereka dengan lebih terjurus berdasarkan kefahaman *maksud* perkataan.

Seterusnya teknologi kod jawi ini juga dapat membantu untuk memahami perkataan yang sesuai untuk digunakan.

### Kod jawi dalam mengenalpasti ketepatan kegunaan perkataan

Dalam kehidupan seharian, terdapat perkataan yang digunakan mempunyai maksud yang hampir sama tetapi digunakan dalam keadaan yang berbeza. Contohnya perkataan ‘laki’ dan ‘suami’, dua perkataan yang saling bertukarganti penggunaannya mengikut keadaan. Contohnya, ada yang akan menyebut ‘laki aku seorang tukang masak’ dan ada juga yang akan menggunakan ‘suami aku seorang tukang masak’. Tetapi yang mana lebih tepat dalam penggunaan perkataan? Kebiasaan penggunaan perkataan ‘laki’ itu digunakan dalam situasi percakapan yang lebih kasar dan manakala perkataan ‘suami’ digunakan dalam keadaan yang lebih sopan. Dengan kod jawi kita boleh membeza maksud kenapa ia digunakan dalam keadaan sedemikian (Jadual 5.0).

Jadual 5

سوامي		لاري	
Sin (س)	Prinsip	Lam alif (ل)	‘Cerita-cerita’
Wau (و)	Yang jelas	Kaf (ك)	Pengurusan modal insan
Alif (ا)	Aturan	Ya (ي)	Tanda-tanda kejayaan
Mim (م)	Pedoman/ cahaya		

Ya (ي)	Tanda-tanda kejayaan		
--------	----------------------	--	--

Berdasarkan kod jawi, perkataan ‘suami’ membawa perincian ciri-cirinya iaitu ‘seorang yang ada prinsip yang jelas, ada ‘aturan’, punya ‘pedoman’ yang ada tanda-tanda kejayaan’. Manakala, perkataan ‘laki’ itu, lebih cenderung digunakan dalam keadaan yang kasar kerana ia ada ‘cerita-cerita’, ada pengurusan modal insan yang ada tanda-tanda kejayaan **tetapi** tidak ada ciri-ciri ‘prinsip yang jelas’ dan tiada ‘aturan’. Sebegini sekali kod jawi dapat menjelaskan penggunaan yang sesuai sesuatu perkataan itu dalam percakapan. Malah ia dapat menjelaskan ‘fungsi’ yang ada pada sesuatu nama.

### Kod jawi dapat menjelaskan fungsi

Kod jawi juga boleh menerangkan fungsi sesuatu nama dengan jelas. Sebagai contoh perkataan ‘masjid’. Masjid seperti mana definisi di dalam kamus adalah satu tempat ibadah untuk orang muslim. Tetapi dari definisi kamus itu ia tidak menjelaskan perincian fungsi sebenar masjid. Jadual 6 adalah kod jawi untuk perkataan ‘masjid’.

Jadual 6

مسجد (Masjid)	
Mim (م)	pedoman
Sin (س)	prinsip
Jim (ج)	Sumber tenaga
Ya (ي)	Tanda-tanda kejayaan
Dal (د)	hasil

Perincian kod jawi ‘masjid’ dapat menjelaskan fungsi masjid yang sebenar. Masjid itu adalah suatu tempat yang sepatutnya punya ‘pedoman’ yang ada ‘prinsip’. Dan ia juga perlu mempunyai ‘sumber tenaga’ yang ada ‘tanda-tanda kejayaan’ yang dapat memberikan ‘hasil’. Daripada kod jawi ini boleh diperhatikan adakah masjid sekarang berfungsi dengan baik atau masih ada beberapa perkara yang perlu diperbaiki?

Contohnya, bagaimana seharusnya masjid perlu jelas tentang ‘prinsip’ yang dibawa berdasarkan ‘pedoman’ al-Quran dan Sunnah. Bagi sebahagian masjid, banyak yang menjalankan kuliah kepada orang dewasa tetapi sangat kurang mengadakan program untuk anak remaja sebagai ‘sumber tenaga’ yang diperlukan untuk masa hadapan. Malah, bagi sesetengah masjid kehadiran anak-anak di perkarangan masjid itu dianggap menganggu ketenteraman masjid.

Sehingga Sultan Muhammad Al-Fateh (Penakluk Constantinople) berpesan:

... ”Jika suatu masa kelak kamu tidak lagi mendengar bunyi bising gelak ketawa kanak-kanak riang di antara

*saf-saf solat di masjid-masjid, maka sesungguhnya takutlah kalian akan kejatuhan generasi muda kalian masa itu”...*

Jelas dari pesanan ini, besar sekali fungsi masjid yang perlu menguruskan ‘sumber tenaga’ seperti anak-anak remaja yang ada disekelilingnya sehingga membawa ‘hasil’ yang mampu menjadi teras kepada pembangunan ummah. Selain dari itu, dengan penggunaan teknologi kod jawi, dapat membuka dimensi baru dalam bidang teknologi.

## Kod jawi membuka dimensi baru dalam bidang teknologi

Kod jawi telahpun diaplikasi dalam penghasilan Skim Tabungan Ibadah Qurban dalam Talian (STIQDAT) dibawah kendalian Koperasi Urusan Ibadah Qurban Selangor dan Wilayah Persekutuan. Dengan menggunakan kod jawi, skim tabungan ini telahpun diekstrakkan dari Surah Al-Baqarah 2:261. Kod jawi bagi perkataan ‘sebutir benih’ di dalam ayat tersebut menjadi kunci kepada penghasilan skim tabungan ini (Jadual 7).

Jadual 7

Sebutir : سبوتير	benih: بنیه		
Sin (س)	Prinsip	Ba(ب)	Prinsip
Ba (ب)	Dasar-dasar	Nun (ن)	Pengurusan modal insan
Wau (و)	Yang jelas	Ya(ي)	Tanda-tanda kejayaan
Ta (ت)	aturan	Ha (ه)	jemaah
Ya (ي)	Tanda-tanda kejayaan		
Ra (ر)	Yakin		

Tabungan adalah umpama ‘menanam sebutir benih’ yang akan bercambah. Sebenarnya, yang ‘ditanam’ pada setiap penabung adalah ‘prinsip’ yang ada ‘dasar-dasar yang jelas’, mengikut ‘aturan’ yang ada ‘tanda-tanda kejayaan’ yang ‘diyakini’. Skim tabungan ini telah mengikuti prinsip dan aturan yang betul apabila ia memperolehi kelulusan 100% patuh syariah dari Ahli Jawatankuasa Syariah ANGKASA. Ia telah dibuka untuk tabungan masyarakat kerana secara jemaah ia mampu memberi manfaat yang besar untuk ummah setelah tabungan 7 tahun. Skim tabungan ini boleh dilayari di [www.equrban.couniq.com](http://www.equrban.couniq.com) untuk maklumat lanjut.

Akhirnya, kelebihan kod jawi ini dapat menjadi medium kepada perkembangan pelbagai ilmu.

## Kod jawi sebagai medium pengembangan ilmu

Dengan memahami kod jawi, ia merupakan satu dimensi baru ke arah menerokai gedung ilmu dari Al-Quran yang masih banyak belum diterokai oleh umat manusia. Ia bukan hanya dapat membentarkan keperkasaan bahasa Melayu berdasarkan sejarah lalu malah ia bakal juga menerokai khazanah alam semesta untuk masa hadapan. Kajian yang sedang diusahakan adalah membina satu sistem pengurusan air berdasarkan Surah An-Nahl 16/10.

Contoh ilmu lain yang boleh diterokai ialah ilmu motivasi atau psikologi. Dengan mengetahui perincian maksud setiap nama, pakar motivasi boleh menggunakan kod jawi untuk mengetahui ciri-ciri sebenar yang ada pada seseorang. Ini akan membolehkan ciri-ciri positif itu di pupuk serta mampu mengembalikan keyakinan diri seseorang. Malah, ia boleh diaplikasikan pada semua ilmu yang lain seperti sains dan matematik. Ini secara tidak langsung akan membatalkan persepsi yang hanya mengaitkan tulisan jawi dengan pengajian Islam.

## Kesimpulan

Kod jawi mempunyai potensi besar untuk mengembalikan minat, daya saing di dalam perkembangan teknologi dan ilmu malah berpotensi memperkasakan semula tulisan jawi dalam menghadapi cabaran era globalisasi. Malah, akan memperkuatkannya lagi 12 cadangan pemerkasaan tulisan jawi yang diutarakan oleh Hashim dan Yasran (2009). Kod jawi juga mempunyai kelebihan yang berpotensi untuk melonjakkan tulisan jawi menjadi relevan semula di dalam masyarakat dan membolehkan tulisan jawi dibudayakan semula dalam kehidupan seharian.

Proses evolusi sistem jawi itu adalah suatu perkara yang lazim dalam usaha menyempurnakan sistem ejaannya malah sistem kod jawi dilihat berpotensi menjadi fasa yang ke-5 di dalam evolusi sistem ejaan jawi ini. Oleh itu, seharusnya kita memberi peluang semula kepada tulisan jawi untuk terus berkembang dan teknologi kod jawi yang dikongsikan, mampu mendepani tulisan rumi dalam beberapa faktor malah dapat mengatasi ‘kelemahan’ yang dijadikan faktor untuk menjatuhkan tulisan jawi di dalam Memorandum Mengenai Tulisan Rumi untuk Bahasa Melayu 1954 di Kongres Persuratan Melayu se-Malaya Kedua.

Malah, teknologi kod jawi ini akan membolehkan bangsa kita berdiri dengan sendiri tanpa kebergantungan kepada bahasa bangsa lain dan ia boleh memartabatkan semula Bahasa Melayu dan Bangsa Melayu. Semoga Bahasa Melayu berdasarkan teknologi kod jawi ini akan memperkaya bahasa dunia dan mampu berfungsi sebagai *lingua franca* serta memimpin ke arah pertumbuhan inovasi baru di era globalisasi.

## Rujukan

- Mohd. Alwee bin Yusoff (2005), Perkembangan Tulisan Jawi dan Aplikasinya dalam Masyarakat di Malaysia, *Jurnal Usuluddin*, Bil 21, pp 23-38
- Hashim bin Haji Musa, Early Jawi Materials and the Creation of a Network of Malay Islamic Centres(1), *The Journal of Sophia Asian Studies* No.27 (2009), pg 010-019
- Hashim bin Haji Musa (2006), *Sejarah Perkembangan Tulisan jawi* (edisi kedua), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Hashim bin Haji Musa dan Adi Yasran Abdul Aziz (2009), Pemerkasaan Kembali Tulisan Jawi, *Jurnal Aswara*, pp 159-175
- Faisal bin Abdul Hamid (2014), Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi: Analisis Mengenai Teori Kang Kyong Seok, *Jurnal al-Tamaddun*, Bil 9 (2), pp1-15
- Fraser, Graham (2014) Notes for an address at the inaugural conference of the International Association of Language Commissioners, Barcelona, Spain, March 21, 2014- Commissioner of Official Languages
- Khazriyati, Salehuddin (2012), Penilaian Ke Atas Kerumitan Kognitif Dalam Proses Membaca Jawi, *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies* Volume 12(4), November 2012, pp1179-1192
- Huebner, Thom (2014) Language Policy and Bilingual Education in Thailand: Reconciling the Past, Anticipating the Future, *Language Education and Acquisition Research Network (LEARN) Journal Special Issue*, pp 61-70
- Ito, Shintaro (2009), State Secretary for Foreign Affairs, Ministry of Foreign Affairs (MoFA), Tokyo, Japan, *INTERNATIONAL CONFERENCE Globalization & Languages: Building on Our Rich Heritage*, United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization, France
- Noor Azam Abdul Rahman (2016), Keajaiban Tulisan Jawi, *Majalah Tamadun Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Ms 10-14
- Sarin Talib. (1995). Persepsi guru Pendidikan Islam di Negeri Selangor terhadap mutu buku teks Pendidikan Islam Tingkatan 1 (KBSM). Disertasi M.Ed., Universiti Malaya.
- RTM (2013), Berita Utama, Pelancaran Kod Jawi. 17 Ogos 2013